



BULETTIN



PUSTAKA

ISI KANDUNGAN



GERAKAN MEMBACA

- 1 YKP, 5,6,7
- 2 SJK (T) St Joseph, 9
- 3 Pesta BH, 15,16
- 4 MOE-OGFICE, 17,18



Persidangan/Mesyuarat

- 1 OCLC 2012, 8
- 2 Mesyuarat Gunasama bil 1/2012, 21



Aktiviti PNM

I Sebahagian gambar aktiviti yang sempat diambil

- 2 Felt Craft With Sis Haley, 19
- 3 Kolaj Kertas Warna, 19
- 4 Mari Dengar Ini cerita, 19
- 5 Teka Silang Kata, 19
- 6 Jemari Kreatif Kotak Hadiah, 20
- 7 Kolaj bijiran Bendera Malaysia, 20
- 8 Fun Colour with Sand Art, 20
- 9 Mewarna Tanjung Merdeka, 20

10

Ketua Pengarah PNM bersama-sama menggaul bubur lambuk untuk edaran sempena Kembara Semarak Ramadhan



Lab PNM

I Britannica Online, 24



I Program sesi lawatan PBN, 10



Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1Malaysia, Terbitan edisi Pustaka : Buletin Perpustakaan Negara Malaysia bil 2/2012 kali ini telah berwajah baru dengan muka depan baru. Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah bergerak

selangkah lagi dengan aktiviti-aktiviti Gerakan Membaca, aktiviti cuti sekolah dan lawatan-lawatan samada di luar dan dalam jabatan sendiri.

Pada keluaran kali ini, pembaca disajikan dengan acara-acara utama iaitu Program Kembara Semarak Ramadhan 2012 yang dirasmikan Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin bin Abu Bakar dan juga Persidangan OCLC Rantau Aisa Pasifik 2012. Disamping itu, keluaran kali ini tidak ketinggalan memaparkan aktiviti-aktiviti gerakan membaca antaranya Program Literasi Maklumat anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dan juga Program galakan membaca di SJK (T) St Joseph.

Untuk menambahkan seri keluaran kali ini, aktiviti-aktiviti kanak-kanak yang dijalankan juga diselitkan.

Akhir kata, semoga keluaran kali ini memberi nafas baru dalam memberi informasi kepada semua warga perpustakaan.

Kamarudin bin Mat Nata

Pengarah PPK
Perpustakaan Negara Malaysia
Merangkap Ketua Editor



SIDANG REDAKSI 2011/2012

PENASIHAT DATO'RASLIN BIN ABU BAKAR
KETUA PENGARAH PNM
raslin@pnm.gov.my

KETUA EDITOR ENCIK KAMARUDDIN BIN MAT NATA
PENGARAH PERANCANGAN DAN PERHUBUNGAN KORPORAT
kamarudin@pnm.gov.my

EDITOR ENCIK WAN MOHAMAD FAZALI BIN MOHD SALLEH
PEN. PGH. KANAN BPD
fazali@pnm.gov.my

ENCIK MOHAMAD ZAKI BIN YUSOF
PEN. PGH. KANAN BPP
zaki@pnm.gov.my

WARTAWAN/PENULIS ENCIK MUSTAFA BIN DAUD
PEN. PGH. KANAN BPemuliharaan
mustafa@pnm.gov.my

ENCIK SAHRIL BIN LARIWOO
PEN. PGH. BKNP
sahril@pnm.gov.my

PUAN SITI DIANA BINTI DAHLAN
PEN. PGH. BPP
siti_diana@pnm.gov.my

CIK ROSMINI BINTI ISMAIL
PEN. PEG. PERPUSTAKAAN KANAN BGLM
rosmini@pnm.gov.my

PUAN SALWANA BINTI FADZIL
PEN. PEG. PERPUSTAKAAN BPDK
salwana_f@pnm.gov.my

PUAN CHERANA ANAK MOH
PEN. PEG. PERPUSTAKAAN BPinjaman
cherana@pnm.gov.my

ENCIK RICALDO GEONAN MAJUTIN
PEN. PEG. PERPUSTAKAAN BKP
ricaldo@pnm.gov.my

ENCIK ISHAK BIN AWANG
PEN. PEG. PERPUSTAKAAN PBN
ishak@pnm.gov.my

CIK NOOR SHAZILA BINTI JOHARI
PEN. PEG. PERPUSTAKAAN BRSP
shazila@pnm.gov.my

KOORDINATOR PENERBIT ENCIK ZULKEFLI BIN ABDUL SAMAD
KETUA BAHAGIAN PENERBITAN
zulkefli@pnm.gov.my

PENTADBIR WEB JABATAN CIK NUR AMALINA BINTI MOHAMED ANAWA
PEN. PEG. TEK. MAKLUMAT
amalina@pnm.gov.my

SUSUN ATUR/GRAFIK ENCIK MOHD FIRDAUS BIN NGAH SA'AYA
PEN. PEG. PERPUSTAKAAN BPenerbitan
firdaus_ngah@pnm.gov.my

FOTO BAHAGIAN PEMULIHARAAN PNM DAN
BAHAGIAN GERAKAN LITERASI
MAKLUMAT PNM



PROGRAM KEMBARA SEMARAK RAMADHAN 2012



Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin bin Abu Bakar memberi ucapan tama semepena Program Kembara Semarak Ramadhan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia

Pada 7 Ogos 2012, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengadakan program Jalur Gemilang dan mengagih bubur lambuk sebanyak 2,500 kepada orang ramai dan beberapa rumah kebajikan sempena Ramadan dan ketibaan merdeka.

Kira-kira 500 kakitangan PNM menyediakan 10 kawah bubur lambuk seawal jam 8 pagi di perkarangan PNM. Ketua Pengarah PNM, Datuk Raslin menjelaskan program ini merupakan satu daripada tanggungjawab sosial PNM dalam meraikan golongan tidak bernasib baik.

Antara lain program ini bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme terutama di kalangan generasi muda agar mereka tidak lupa nilai kemerdekaan yang sebenar. "Jalur Gemilang wajar sentiasa dikibarkan sepanjang masa agar nilai itu tidak hilang oleh arus pemodenan zaman," katanya ketika merasmikan program Kembara Semarak Merdeka Ramadan 2012.



Simbolik pelepasan kenederaan bagi mengagihkan bubur lambuk tersebut



Dato' Raslin bin Abu Bakar mengacau bubur lambuk sebelum diedarkan kepada hadirin dan senerai peserta semepena Ramadhan Al Mubarak

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT YKP – PNM

Program Literasi Maklumat anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan pada 15 September 2012 bertempat di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya. Tema pada kali ini ialah Melakar Sejarah Untuk Masa Depan. Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah ini telah disempurnakan oleh YBrs. Hajah Nafisah binti Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah PNM mewakili Ketua Pengarah PNM.



Timbalan Ketua Pengarah PNM, Cik Nafisah Ahmad menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta

Objektif Program adalah seperti berikut :

- Menerapkan budaya membaca di kalangan pelajar.
- Mendidik pelajar mengenai kaedah-kaedah berkesan dalam pengurusan dan pencarian maklumat.
- Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu dalam kalangan pelajar.



Sesi Taklimat oleh salah seorang pegawai di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya



Pegawai dari PNM kelihatan sedang memberi tunjuk ajar

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT YKP – PNM

Program tersebut telah dijalankan dengan tatacara berikut :

- Program dijalankan dalam bentuk pertandingan. Pertandingan adalah antara 4 buah sekolah yang menyertainya.
- Peserta terdiri daripada 80 pelajar sekolah tingkatan 1,2,4 dan 5. 40 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 menyertai Pertandingan Pencarian Maklumat dan 40 orang pelajar tingkatan 1 dan 2 menyertai sesi Wacana Ilmu.
- Setiap kumpulan pelajar mengadakan pencarian maklumat berkaitan topik yang diberikan dan maklumat tersebut dibincangkan antara mereka sebelum dibentangkan secara berkumpulan.
- Pencarian maklumat adalah menggunakan Internet atau daripada bahan-bahan bacaan dan pameran yang terdapat di lokasi penganjuran.
- Setiap kumpulan diberikan 2 orang fasilitator. Seorang daripada YKP dan seorang daripada PNM.
- Setiap kumpulan diberikan masa selama 20 minit untuk sesi pembentangan dan 10 minit untuk sesi soal jawab.
- Program diadakan dalam Bahasa Melayu kecuali sesi Pembentangan diadakan dalam Bahasa Inggeris.
- Pembentangan adalah menggunakan MS Powerpoint.
- Pembentangan telah dinilai oleh juri yang dilantik oleh YKP.

Penyertaan pelajar terdiri daripada pelajar sekolah berikut:

- Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya
- Kolej Tunku Kurshiah, Seremban
- Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Kajang
- Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Seremban



Gambar-gambar peserta di Yayasan Kempimpinan Perdana, Putrajaya

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT YKP – PNM

Selain pertandingan literasi maklumat yang disertai oleh pelajar tingkatan 4 dan 5 dari 4 buah sekolah berkenaan, sesi wacana ilmu yang diadakan serentak kepada pelajar tingkatan 1 dan 2 dari 4 buah sekolah yang sama turut diadakan. Pengisian Wacana Ilmu adalah seperti berikut:

- Tayangan Video Kenegaraan
- Tayangan Video Bicara Perdana Ikon Membaca Kebangsaan : YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad
- Kuiz yang berdasarkan tayangan video dan pameran yang ada di sekitar YKP turut diadakan kepada pelajar-pelajar berkenaan.

Berikut adalah keputusan pertandingan :

- Tempat pertama : Kolej Tunku Kurshiah, Seremban
- Tempat kedua : Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya
- Tempat ketiga : Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Seremban
- Tempat keempat : Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Selangor
- Pembentang terbaik: Nurfirzanah Ahmad Firdaus, Kolej Tunku Kurshiah, Seremban



Timbalan Ketua Pengarah PNM, Hajah Nafisah Ahmad bergambar kenangan bersama pegawai-pegawai di Yayasan Kepimpinan Perdana dan para pemenang



Para pemenang bergambar bersama sijil dan hadiah kemenangan masing-masing

Sebagai rumusannya, Pertandingan Literasi Maklumat dilihat sebagai salah satu kaedah dan strategi yang perlu diteruskan dalam menyedarkan masyarakat akan kepentingan mempunyai kemahiran literasi maklumat untuk menjadi masyarakat yang mempunyai maklumat yang berkualiti.

Melalui pertandingan yang diadakan, para pelajar secara tidak langsung didedahkan dengan pelbagai sumber maklumat berkaitan kepimpinan dan kenegaraan yang mungkin tidak terkandung dalam silibus subjek yang dipelajari di sekolah masing-masing. Ini boleh menyuntik mereka agar membaca lebih banyak bahan bacaan umum selain buku-buku untuk memenuhi keperluan subjek di sekolah semata-mata.

PNM ANJUR PERSIDANGAN OCLC RANTAU ASIA PASIFIK 2012



Ketua Pengarah PNM memberi ucapan tama sempena perasmian Persidangan OCLC rantau Asia Pasifik 2012 di Auditorium PNM

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama 'Pusat Perpustakaan Komputer Online' (OCLC) telah menganjurkan Persidangan OCLC Rantau Asia Pasifik 2012. Ketua Pengarah PNM berkata persidangan itu bertujuan membincangkan isi-isi semasa berkaitan kerjaya pustakawan dan mendapatkan pendedahan mengenai penggunaan pangkalan data Worldcat.

Dato' KP menjelaskan persidangan ini sebagai platform terbaik bagi pustakawan berkongsi pengalaman serta kepakaran masing-masing terutamanya dalam menghadapi isu dan cabaran mendatang. "Malah, ia turut memberi peluang kepada perpustakaan mendapatkan maklumat tentang produk-produk lain yang dibangunkan OCLC". Hadir sama, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) OCLC, Jay Jordan.



Para peserta bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah PNM dan urusetia bertugas



Kelihatan salah seorang peserta bertanyakan soalan kepada moderator ketika sesi persidangan berlangsung

PROGRAM GALAKAN MEMBACA DI SJK (T) ST. JOSEPH



Encik Ricaldo Geonan memberi taklimat semasa sesi beliau semasa Program galakan membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil St Joseph

Program Galakan Membaca ini diadakan dengan kerjasama Jawatankuasa Pusat Sumber Sekolah SJK (T) St. Joseph telah diadakan pada 31 Julai 2012 SJK (T) di St. Joseph, Sentul, Kuala Lumpur. Seramai 150 orang pelajar telah menyertai program ini dalam usaha memupuk amalan membaca di kalangan para pelajar. Melalui kerjasama ini PNM telah menjalankan pelbagai pengisian aktiviti telah bagi menjayakan program ini dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari para pelajar dan guru-guru SJK (T) St. Joseph.

Objektif program adalah untuk:

- Menjana minda membaca di kalangan warga pendidik
- Memupuk minat membaca di kalangan pelajar
- Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu dalam kalangan pelajar

Pengisian aktiviti yang telah dijalankan oleh PNM sepanjang program tersebut berlangsung adalah seperti Bengkel Literasi Maklumat, Pertandingan Mewarna, Sesi Penerangan dan Pendaftaran U-Pustaka dan Pendaftaran Keahlian PNM.



Antara gambar-gambar menarik semasa program tersebut berlangsung

Kesimpulannya, menerusi pelbagai pengisian aktiviti yang telah dijalankan, ternyata aktiviti seumpama ini berjaya menarik minat para pelajar dan guru-guru untuk turut serta dan bersama-sama memperoleh manfaat dari aktiviti-aktiviti tersebut. Adalah diharapkan agar program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang dalam memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar dan warga pendidik mengenai kepentingan membudayakan amalan membaca.

PROGRAM SESI LAWATAN PROMOSI PERKHIDMATAN KEPADA PENERBIT PERLIS/ KEDAH/ PULAU PINANG 10-12 JULAI 2012

Oleh : Ishak Awang

Perkhidmatan Kepada Penerbit merupakan satu perkhidmatan yang di sediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia kepada penerbit-penerbit untuk mendapatkan ISBN, ISSN dan Pengkatalogan-dalam-Penerbitan sebelum sesuatu terbitan itu di terbitkan.

Dalam usaha untuk memperkemaskan penerbitan buku secara lebih bersistematik oleh penerbit-penerbit seluruh negara, program sesi lawatan promosi dilaksanakan berterusan secara berjadual oleh Pusat Penyerahan Terbitan Negara, Perpustakaan Negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, satu program lawatan telah di adakan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang pada 10 hingga 12 Julai 2012 yang lalu. Program lawatan ini di sertai oleh Cik Wan Nur Azma Wan Asik, Penolong Pengarah Pusat Bibliografi Negara dan Puan Rosmaini Salehudin juga Puan Norazalin Sahamed, Penolong Pengarah dari Pusat Penyerahan Terbitan Negara.



Antara contoh-contoh ISBN dan ISSN di kebanyakan buku

Antara syarikat dan pertubuhan yang di kunjungi adalah terdiri dari GMA Publication, TKP Publication, Pustaka Shah, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Cawangan Kedah. Dalam masa yang sama juga pegawai berkenaan turut mengunjungi penerbit-penerbit individu(perseorangan). Satu Taklimat Perkhidmatan kepada Penerbit dan Akta Penyerahan Bahan 1986 (Akta 331) juga telah diadakan di Perpustakaan Awam Negeri Perlis yang dihadiri oleh penerbit-penerbit buku , pertubuhan-pertubuhan, agensi-agensi kerajaan serta juga orang perseorangan yang berminat dalam penulisan buku seluruh negeri Perlis.

Program lawatan ini bertujuan untuk mendedahkan penerbit-penerbit buku tentang perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan juga tanggungjawab penerbit selepas penerbitan dengan menyerahkan bahan terbitan mereka ke Pusat Penyerahan Terbitan Negara.



Encik Khairulearnili bin Jasmi salah seorang kakitangan PNM menerima sijil penganugerahan perkhidmatan cemerlang oleh YB Datuk Joseph Salang Gandum, Timbalan Menteri KPKK semasa acara penerima sijil berlangsung.

Antara gambar-gambar yang sempat diambil. Kanak-kanak sekolah tidak ketinggalan menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia





Antara gambar-gambar menarik yang sempat dirakam lensa semasa aktiviti-aktiviti gerakan literasi maklumat dan gerakan membaca yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia



Ketua Pengarah PNM bersama-sama barisan tertinggi PNM dan juga hadirin yang hadir bagi memeriahkan pengibaran Jalur Gemilang



Permandangan di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Kelihatan Ketua Pengarah PNM sedang memberi ucapan. Permandangan ini adalah semasa berlangsungnya Persidangan OCLC Asia Pacific 2012.





Suasana di Hipermedia Kanak-kanak tidak kurang meriahnya dengan peserta-peserta mengambil bahagian dengan penuh dedikasi dan penuh komitmen



Turut tidak ketinggalan Putar Ilmu, hasil kerja tangan kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia sambil gambaran mengenai peserta yang tidak berhenti-henti memberi maklumbals yang baik semasa aktiviti yang dianjurkan oleh PNM

PENGLIBATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DALAM PESTA PENDIDIKAN BERITA HARIAN EKSPLORASI DMS 2012

Pesta Pendidikan Berita Harian Eksplorasi DMS 2012 buat julung kalinya akan dianjurkan oleh Jabatan Pengedaran dan Unit Pendidikan Berita Harian bersempena dengan sambutan ulang tahun Berita Harian yang ke 55. Program ini menyasarkan penyertaan kepada warga sekolah khususnya dan masyarakat umum di seluruh Malaysia.

Pasukan Eksplorasi DMS telah turun ke lokasi-lokasi terpilih seluruh negara bagi meraikan 'The Power of Knowledge in DMS' dengan pelbagai pengisian aktiviti menarik dan program ini turut mendapat sokongan dari Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bagi memantapkan lagi penganjuran Pesta Pendidikan ini, pihak NSTP telah menjemput PNM untuk menjadi rakan pintar untuk bersama-sama menjayakan program ini.

Objektif Pesta Pendidikan Berita Harian Eksplorasi DMS ini adalah:

- i. Untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar tentang produk-produk yang berkait rapat dalam bidang pendidikan dan sebagainya.
- ii. Mencungkil bakat dan potensi pelajar ke arah perkembangan yang inovatif dan kritis melalui pertandingan yang akan diadakan.
- iii. Memberi pendedahan kepada pelajar mengenai panduan dan etika pencarian maklumat melalui sumber-sumber yang sahih agar mereka dapat mencari, mengguna dan menilai maklumat dengan cara yang berkesan.
- iii. Mempromosikan perkhidmatan dan produk PNM agar ianya dapat digunapakai oleh pelajar dalam pencarian maklumat pelajaran mereka.



Antara gambar-gambar aktiviti di Pesta Pendidikan Berita Harian Eksplorasi DMS 2012.

PENGLIBATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DALAM PESTA PENDIDIKAN BERITA HARIAN EKSPLORASI DMS 2012

Pengisian program yang telah dilaksanakan bersempena dengan pesta pendidikan ini adalah seperti berikut:

i. Pengisian Program NSTP

- Pertandingan 'JOM EJA BH 2012' Bersama Dutch Lady
- Pertandingan Mewarna Bersama Nestle
- Ceramah Motivasi
- Kem Bahasa
- Kelas Masakan Percuma Untuk Ibu Bapa Bersama Maggi
- Sukan 'MINDA'
- Larian 10k Bersama My Sihat
- Pameran Syarikat Hot Perfume
- Pameran Kolej Komuniti

ii. Pengisian Aktiviti PNM

- Bengkel Literasi Maklumat
- Bengkel Jom Melukis
- Pameran dan Kuiz Ikon Membaca Kebangsaan
- Aktiviti Ilmu
- Pendaftaran U-Pustaka
- Pendaftaran Keahlian Perpustakaan Desa

Pesta Pendidikan Berita Harian Eksplorasi DMS 2012 telah dilaksanakan di lokasi-lokasi berikut:

BIL.	TARIKH	LOKASI
1.	8 September 2012	SMK Turku Putra, Langkawi, Kedah
2.	15 September 2012	SK Jalan Resideni, Georgetown, Pulau Pinang
3.	22 September 2012	SMK Bukit Kepayang, Seremban, Negeri Sembilan
4.	29 September 2012	SMK Arau, Arau, Perlis
5.	6 Oktober 2012	SMK Padang Midin, Kuala Berang, Terengganu
6.	13 Oktober 2012	SMK Tok Muda Abdul Aziz, Sungai Siput, Perak
7.	20 Oktober 2012	SMK Dato' Sri Amar DiRaja, Muar, Johor

PENGLIBATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DALAM SUPPLEMENTARY READING PROGRAMME MOE-OGFICE: KEM 'ReFoLife' 2012

PNM telah terlibat dalam program galakan membaca luar bandar Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Kem Supplementary Reading Programme (SRP) : Kem 'ReFoLife' 2012. Penganjur bersama program ini ialah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Osaka Gas Foundation for International Cultural Exchange (OGFICE) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia, Pustaka Negeri Sarawak dan Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd. Program ini telah berlangsung pada 24 hingga 27 September 2012 (4 hari 3 malam) dan bertempat di: Kuching ParkHotel (24-27 September 2012) dan Pustaka Negeri Sarawak (26 September 2012).

Kem SRP merupakan program anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Osaka Gas Foundation for International Cultural Exchange (OGFICE) dalam bidang pendidikan dan dilaksanakan di Sarawak mulai 2004. Kem SRP disasarkan kepada sekolah luar bandar / pedalaman terpilih. Pelbagai aktiviti dijalankan untuk pelajar-pelajar menikmati kemudahan / pengalaman seperti pelajar-pelajar di bandar

Selain pelajar, guru pengiring yang menyertai SRP juga diisi dengan aktiviti untuk meningkatkan mutu pendidikan di kawasan luar bandar. Matlamat SRP ialah untuk merapatkan jurang pendidikan di antara pelajar-pelajar bandar dan luar bandar dan memastikan semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan untuk cemerlang dalam pembelajaran.



Antara persembahan pentas oleh peserta semasa Program ini berlangsung



Acara berkumpul antara yang menarik semasa program ini berlangsung

PENGLIBATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DALAM SUPPLEMENTARY READING PROGRAMME MOE-OGFICE: KEM 'ReFoLife' 2012

Senarai 30 orang pelajar dan 8 orang guru dari 10 buah sekolah terlibat dalam program tersebut adalah:

- Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Annau, Tatau.
- SK Ulu Kakus, Tatau
- SK Nanga Tau, Tatau
- SK Kuala Kebulu, Sebauh
- SK Bukit Mawang, Sebauh
- SK Pasir Pandak, Kuching
- SK Sibu Laut, Padawan
- SK St. Gregory Glam, Padawan
- SK Kampung Baru, Samarahan
- SK Tanjong Apong, Samarahan

Antara Pengisian Aktiviti Yang dijalankan ialah :

- Lawatan Ke Pustaka Negeri Sarawak
- Sesi Motivasi Bersama Angkasawan Negara
- Bengkel Literasi Maklumat

Kesimpulannya, program galakan membaca yang diadakan ini menjadi salah satu landasan yang perlu dikembangkan lagi agar lebih ramai masyarakat terutamanya pelajar luar bandar menerima pembangunan minda menerusi program yang diadakan dan menjadikan amalan membaca sebagai amalan berterusan.

Berdasarkan pemerhatian, melalui program ini, para pelajar mempunyai peningkatan dalam komunikasi serta pergaulan dengan rakan-rakan baru kerana aktiviti galakan membaca yang diadakan memerlukan kerjasama setiap individu untuk melaksanakan aktiviti yang diberikan



Dr. Sheikh Muzaffar, Angkasawan negara merangkap ikon membaca 1Malaysia tidak ketinggalan dalam memenuhi slot acara



Antara persembahan kanak-kanak di pentas memeriahkan majlis

26 Mei 2012:
Felt Craft With Sis. Haley

Aktiviti ini terbuka kepada peserta dewasa dan remaja. Aktiviti ini bertujuan memberi peluang kepada pembaca dewasa untuk berkongsi ilmu melalui maklumat dan kemahiran yang mereka dapat hasil daripada minat membaca. Hal ini kerana, tenaga pengajar bagi aktiviti ini merupakan seorang peminjam buku aktif di Bahagian Pinjaman Dewasa. Beliau kerap kali meminjam buku kraftangan dan berkemahiran dalam menghasilkan kraftangan kain felt. Dalam aktiviti ini, semua peralatan disediakan oleh pihak Perpustakaan Negara Malaysia. Mereka yang terlibat diajar secara berperingkat untuk menghasilkan kraftangan felt. Perkongsian minat ini secara tidak langsung turut menggalakkan pembaca lain untuk membaca buku yang berkaitan. Di samping itu, ia juga dapat membantu menjana pendapatan sampingan.

29 Mei 2012:
Kolaj Kertas Warna

Aktiviti ini terbuka kepada kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun. Dalam aktiviti ini, kanak-kanak diberi gambar berunsurkan membaca dan kertas pelbagai warna. Mereka diberi masa selama satu jam untuk menyiapkan kolaj mereka mengikut kreativiti masing-masing. Aktiviti ini banyak memberi faedah terutamanya dalam menggalakkan kanak-kanak berkunjung ke perpustakaan dan menanam minat membaca di kalangan mereka. Hal ini kerana, mereka yang terlibat turut di syorkan untuk meminjam buku yang berkaitan yang terdapat di Perpustakaan Kanak-kanak.

31 Mei 2012 (Khamis)
Mari Dengar Ini Cerita

Aktiviti ini terbuka kepada kanak-kanak 4 hingga 10 tahun. Aktiviti ini merupakan aktiviti bercerita menggunakan. Cerita tersebut dibacakan untuk para kanak-kanak terlibat. Diakhir sesi ini, pencerita turut bertanya beberapa soalan untuk menguji kefahaman kanak-kanak. Mereka yang berjaya menjawab diberikan sedikit ganjaran hadiah sebagai tanda penghargaan. Aktiviti ini merupakan satu kaedah dalam usaha menggalakkan budaya membaca dikalangan kanak-kanak.

5 Jun 2012 (Selasa)
Teka Silang Kata

Aktiviti ini terbuka kepada kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun. Aktiviti ini menguji minda kanak-kanak dalam menyelesaikan sesuatu dengan pantas, dan betul. Aktiviti ini juga memberi faedah dari aspek menambahkan kemahiran suku kata kanak-kanak. Dalam aktiviti ini, kanak-kanak dibahagikan mengikut tahap umur dan diberikan masa selama satu jam untuk menyelesaikan teka silang kata tersebut. Mereka yang dapat menyelesaikannya dengan cepat dan betul dikira sebagai pemenang.

7 Jun 2012 (Khamis)
Jemari Kreatif: Kotak Hadiah

Aktiviti ini dijalankan berdasarkan contoh di dalam buku yang terdapat dalam koleksi kanak-kanak di Perpustakaan Negara. Aktiviti ini menjana kreativiti kanak-kanak dalam menghasilkan kraftangan dan mendidik mereka untuk memanfaatkan bahan sekeliling. Mereka diberi tunjuk ajar secara berperingkat untuk menghasilkan kotak hadiah dan menghiasnya mengikut kreativiti masing-masing. Dengan adanya aktiviti begini dapat mendorong kanak-kanak berkunjung ke perpustakaan untuk merujuk atau meminjam buku mengikut minat mereka.

8 Jun 2012 (Sabtu)
Kolaj Bijirin: Bendera Malaysia

Aktiviti ini dipilih sebagai satu daripada aktiviti cuti sekolah bagi menanam semangat patriotik dan memberi pendedahan kepada konsep kenegaraan kepada kanak-kanak. Hal ini kerana, sambil membuat kolaj bijirin bendera Malaysia, mereka terlebih dahulu diberikan maklumat secara ringkas mengenai beberapa aspek kenegaraan misalnya, sejarah Malaysia dan rukun Negara. Mereka yang berjaya menghasilkan kolaj yang kemas dan menarik diberikan sedikit hadiah sebagai tanda penghargaan ke atas hasil mereka.

13 Julai 2012 (Jumaat)
Fun Colour With Sand Art

Aktiviti ini diadakan sempena dengan lawatan dari Taman Didikan Sepakat, Selangor. Lawatan ini disertai oleh seramai 50 orang kanak-kanak tadika beserta 6 orang guru pengiring. Mereka diberi taklimat mengenai perkhidmatan yang disediakan untuk kanak-kanak di Perpustakaan Negara bagi tujuan memberi informasi kepada guru dan kanak-kanak. Mereka kemudiannya diberikan sand art sebagai aktiviti bagi meraikan kedatangan ke Perpustakaan Negara. Lawatan dan penyertaan dalam aktiviti yang diadakan di Perpustakaan Negara dapat membuka minda mereka untuk menanamkan tabiat membaca pada peringkat awal.

30 Ogos 2012 (Khamis)
Mewarna: Tanjak Merdeka

Aktiviti ini diadakan sempena lawatan pelajar OKU Sekolah Menengah Kebangsaan Danau Kota ke Perpustakaan Negara. Lawatan ini disertai oleh 70 orang pelajar OKU dan 27 guru pengiring. Aktiviti bermula dari jam 10.30 pagi hingga jam 11.30 pagi. Mereka diberikan gambar tanjak tanpa warna dan mereka dikehendaki mewarnakan gambar tersebut serta membentuk tanjak seperti dalam gambar yang disediakan. Setelah selesai aktiviti, mereka dibawa ke Perpustakaan Kanak-kanak untuk membaca buku.



Antara aktiviti mewarna tanjak merdeka yang diadakan di PNM

MESYUARAT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN GUNASAMA KUMPULAN SOKONGAN SIRI 1/2012

Pada 11 hingga 13 Jun 2012, Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 1/2012.

Mesyuarat ini telah diadakan di Hotel Avillion Legacy, Melaka dan telah dihadiri oleh kakitangan sokongan perkhidmatan gunasama perpustakaan daripada pelbagai jabatan dan agensi serta kakitangan sokongan Perpustakaan Negara Malaysia yang terdiri daripada Gred S17 hingga Gred S38. Seramai 117 orang peserta telah menghadiri mesyuarat ini.

Sebanyak tiga sesi taklimat telah diadakan sepanjang mesyuarat ini. Sesi taklimat yang pertama bertajuk Memperkasakan Pusat Penyerahan Terbitan Negara PNM : Peranan Perpustakaan Gunasama telah disampaikan oleh Puan Katrun Nada binti Hj. Hashim, Timbalan Pengarah, Pusat Penyerahan Terbitan Negara, Perpustakaan Negara Malaysia. Sesi bengkel yang bertajuk Bengkel Perkhidmatan Sumber Elektronik Perpustakaan yang telah disampaikan oleh Cik Nafisah binti Ahmad, mantan Pengarah Perkhidmatan PERDANA, Perpustakaan Negara Malaysia dan Encik Zahuddin bin Sidek @ Salleh, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Kandungan, Perpustakaan Negara Malaysia. Sementara sesi Klinik Literasi Maklumat pula telah disampaikan oleh Encik Yazid bin Ibrahim, Penolong Pengarah, Pusat Maklumat Malaysiana, Perpustakaan Negara Malaysia. Kesemua sesi taklimat dan bengkel ini memberi manfaat yang besar kepada peserta mesyuarat dalam mendalami ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang Literasi Maklumat. Peserta mesyuarat juga didedahkan dengan pelbagai perkhidmatan sumber elektronik yang telah disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan ia boleh diakses secara terus melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia.

Mesyuarat bersama Pegawai Sokongan pula telah dipengerusikan oleh Cik Salbiah binti Mohammad Yusof, Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia. Mesyuarat ini telah memberi peluang kepada ahli mesyuarat bertemu, berbincang dan memberi cadangan dan pandangan bersama-sama Pengurusan PNM. Pelbagai isu telah dibincangkan sepanjang mesyuarat berlangsung. Selain itu, ahli mesyuarat juga dapat berkenalan dan mewujudkan jalinan kerjasama antara mereka dan PNM.



Peserta Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 1/2012 bergambar bersama barisan Pengurusan Tertinggi, Perpustakaan Negara Malaysia

PAMERAN

PNM adalah salah satu organisasi yang menyalurkan maklumat kepada masyarakat umum. Justeru, dalam menyebarkan maklumat PNM mengambil pendekatan dengan mengadakan pameran. Pameran-pameran ini secara tidak langsung dapat menambah pengetahuan umum. Pemilihan tema pameran berdasarkan kepada kesesuaian tempat pameran yang diadakan.

Antara pameran yang diadakan dari Mei sehingga Ogos 2012 ada seperti berikut :-

1. Pameran Ikon Membaca Kebangsaan
- 14 Mei 2012 (PNM)
2. Pameran Manuskrip dan Bahan Nadir
- 26 – 27 Mei 2012 (PNM)
3. Pameran Bahasa Melayu
- 26 Julai 2012 (MSU, Shah Alam)
4. Pameran Bahan Nadir
- 9 Ogos 2012 (UiTM, Shah Alam)



Program pendidikan pengguna PNM

Program Pendidikan Pengguna diperkenalkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia adalah bertujuan bagi menyediakan latihan kepada umum terutamanya pelajar sekolah tentang bagaimana untuk mendapatkan kemahiran dan juga pengetahuan untuk mengakses maklumat. Selain dari itu, program ini juga dapat menggalakkan proses intelektual dan kemahiran teknologi maklumat dalam usaha pengesanan dan dapatan maklumat selaras dengan dunia maklumat global.

Program sehari ini merangkumi 2 segmen yang melibatkan ceramah tentang Perkhidmatan PNM, Sumber-sumber Rujukan Asas, Pengenalan OPAC CHAMO, Penerangan Pangkalan Data MYLIB serta Penerangan Perkhidmatan Hipermedia dan juga lawatan ke Pusat Manuskrip Melayu, Perkhidmatan Mikrofilem serta Bahagian Pemuliharaan.

Antara sekolah yang terlibat dari bulan Mei sehingga Ogos 2012 adalah seperti berikut:-

- | | | | |
|----|------------------------------|---|---------------|
| 1. | SMK Meru, Klang | - | 9 Mei 2012 |
| 2. | SMK ERT Setapak | - | 23 Mei 2012 |
| 3. | SMK Dato' Ibrahim Yaacob | - | 12 Jun 2012 |
| 4. | SMK Bandar Baru Salak Tinggi | - | 13 Jun 2012 |
| 5. | SMK Seri Bintang Selatan | - | 14 Jun 2012 |
| 6. | SMK Sri Istana, Klang | - | 20 Jun 2012 |
| 7. | SMK Shahbandaraya, Klang | - | 21 Jun 2012 |
| 8. | SMK Setapak Indah | - | 26 Jun 2012 |
| 9. | SMK Kg. Jawa, Klang | - | 17 Julai 2012 |

KEMPEN KEAHLIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia, PNM telah mengadakan aktiviti Kempen Keahlian PNM di luar premis PNM. Di samping meningkatkan jumlah keahlian PNM, kempen ini sekaligus dapat mendekatkan masyarakat dengan PNM serta mempromosikan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di PNM.

Antara lokasi sepanjang bulan Mei sehingga Ogos 2012 adalah seperti berikut :-

- | | | | |
|-----|---|---|------------------|
| 1. | Pusat Transformasi Luar Bandar | - | 3 – 5 Mei 2012 |
| 2. | Lorong Haji Taib, KL | - | 6 Mei 2012 |
| 3. | Kolej Pusrawi, KL | - | 7 Mei 2012 |
| 4. | Kem. Kemajuan Luar Bandar & Wilayah, Putrajaya | - | 23 Mei 2012 |
| 5. | Kompleks KPKK | - | 26 – 27 Mei 2012 |
| 6. | Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya | - | 30 – 31 Mei 2012 |
| 7. | Management & Science University | - | 14 – 15 Jun 2012 |
| 8. | Jabatan Muzium Malaysia | - | 16 Jun 2012 |
| 9. | Kem. Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, Putrajaya | - | 26 Jun 2012 |
| 10. | Pusat Sains Negara, KL | - | 4 Julai 2012 |
| 11. | Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), KL | - | 5 Julai 2012 |
| 12. | Kolej PTPL, Shah Alam | - | 29 Ogos 2012 |

Berjuta Memilih Britannica Online Sebagai Sumber Maklumat

Britannica Online Library Edition adalah ensiklopedia dalam talian yang digunakan di peringkat antarabangsa. Diperkenalkan kepada umum sejak penghujung 2011, ianya adalah perkhidmatan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyampai dan memerlukan talian internet sebagai perantara. Ia juga merupakan satu-satunya sumber rujukan secara talian yang dibangunkan khusus untuk perpustakaan. Isi kandungan artikel yang terdapat di laman ini adalah diyakini serta bersesuaian dengan semua peringkat umur kerana merangkumi produk – produk berunsurkan pengetahuan dan maklumat yang sesuai untuk pembelajaran termasuklah dari segi audio, visual dan kineastetik.

Perkhidmatan ini menawarkan artikel- artikel yang ditulis oleh kalangan sejarawan dan pakar dalam bidang masing-masing. Dilengkapi dengan paparan muka yang interaktif, perkhidmatan ini juga adalah mesra pengguna disamping ianya dapat dilayari oleh rakyat Malaysia di mana-mana sahaja, tanpa mengira masa.

Walaupun bagaimanapun, pengguna Britannica Online Library Edition perlulah mendaftarkan diri sebagai ahli portal perpustakaan digital di Perpustakaan Negara Malaysia terlebih dahulu sebelum ianya boleh dilayari dari sebarang destinasi pilihan anda. Layari <http://pnmdigital.com> untuk proses pendaftaran.

Perlu tahu mengenai Britannica Online Library Edition:

- Pangkalan data berasingan untuk pengguna dewasa dan kanak-kanak atau remaja.
- Terdapat lebih 200, 000 artikel ensiklopedia termasuklah 23, 000 tulisan biografi.
- Dilengkapi lebih 85, 000 imej termasuklah gambar, ilustrasi dan peta.
- Akses kepada lebih 100, 000 laman web yang dicadangkan Britannica untuk tambahan informasi yang berkualiti.
- Juga terdapat jurnal dan artikel majalah dari lebih 850 terbitan berkala.
- Ruangkerja peribadi dan pelbagai faedah lain dengan Britannica!



Salah satu banting yang mempromosi Britannica online

U-PUSTAKA

U-PUSTAKA

Utamakan Pengetahuan, Ingatlah U-Pustaka

Peristiwa u-Pustaka



u-Pustaka Bersama Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak di Karnival Perdana Komuniti 1 Malaysia pada 6 Jan. 2012

Terkini

[Majlis Perasmian u-Pustaka di Perpustakaan Kuala Lumpur](#)
Tarikh peristiwa:05-11-2012 - 06-11-2012
Oleh:Perpustakaan Kuala Lumpur
Satu Majlis Perasmian u-Pustaka akan diadakan di P...

[Penyenggaraan Portal u-Pustaka](#)
Tarikh peristiwa:07-11-2012 - 08-11-2012
Oleh:u-Pustaka
Penyenggaraan Sistem pada hari Rabu(07/11/2012-08/...

[Aktiviti Galakan Membaca Untuk Kanak-Kanak Sempena Cuti Sekolah Nov-Dis 2012](#)
Tarikh peristiwa:10-11-2012 - 28-11-2012
Oleh:Perpustakaan Negara Malaysia
Silalah rujuk pada dokumen dikepalkan untuk mengetahu...

[Pameran Seni Visual "Warna Warni Flora" @ Pustaka Negeri Sarawak](#)
Tarikh peristiwa:23-11-2012 - 31-12-2012
Oleh:Pustaka Negeri Sarawak
Pameran Seni Visual "Warna Warni Flora" @ ...

[Apa yang hangat dari u-Pustaka?](#)
Tarikh peristiwa:04-12-2012 Oleh:u-Pustaka
Maklumat terkini mengenai kandungan terbaru yang terdapat dalam portal u-Pustaka

Daftarlah Sekarang!

Selamat Datang

ID Pengguna

Kata Laluan

Ingat saya

DAFTAR MASUK

| Terlupa Kata Laluan |

Selamat Datang Ke u-Pustaka

	Kanak-Kanak		Carian
	Remaja		Galeri
	Ulasan		Webinar
	Tanya		Forum

Layan
maklu
http://
porta

AKAN DATANG

**AKTIVITI GALAKAN MEMBACA
BAGIAN PINJAMAN DAN PERPUSTAKAAN KOMUNITI AEON
SEMPENA CUTI SEKOLAH NOVEMBER 2012**

TARIKH/MASA	AKTIVITI	TEMPAT	SASARAN	TINDAKAN
10-11-2012 (Sabtu) 11.00 pagi - 12.00 tengahari	Konak Malaysia, Cinta Malaysia Keratanan lodi, roben dan kertas	Teater Kanak-kanak, PNM Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras	Kanak-kanak 5-12 tahun Kanak-kanak 7-12 tahun	A ADA, IU
17-11-2012 (Sabtu) 11.00 pagi - 12.00 tengahari	Boneka rekaan saya Seni pasir (sand art)	Teater Kanak-kanak, PNM Perpustakaan Komuniti AU 2	Kanak-kanak 6-12 tahun Kanak-kanak 4-10 tahun	D NZ, SZ
20-11-2012 (Selasa) 11.00 pagi - 12.00 tengahari	Seni goresan (scratch art) Ciptaan Boneka	Teater Kanak-kanak, PNM Perpustakaan Komuniti AU 2	Kanak-kanak 7-12 tahun Kanak-kanak 7-12 tahun	E NZ, SZ
21-11-2012 (Rabu) 11.00 pagi - 12.00 tengahari	Seni pasir (sand art)	Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras	Kanak-kanak 7-12 tahun	ADA, NU

**AKTIVITI GALAKAN MEMBACA
BAGIAN PINJAMAN DAN PERPUSTAKAAN KOMUNITI AEON
SEMPENA CUTI SEKOLAH NOVEMBER 2012**

TARIKH/MASA	AKTIVITI	TEMPAT
21-11-2012 (Rabu) 11.00 pagi - 12.00 tengahari	Seni pasir (sand art)	Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras
22-11-2012 (Khamis) 11.00 pagi - 12.00 tengahari	Kad Kreatif Untukmu Di Hari Jadi Abang Shah Membaca Certa	Teater Kanak-kanak, PNM Perpustakaan Komuniti AU 2
24-11-2012 (Sabtu) 11.00 pagi - 12.00 tengahari	Seni Lipatan Origami	Teater kanak-kanak, PNM

Aktiviti-aktiviti cuti sekolah


Pada keluaran ak



BUKU-BUKU TERKINI TERBITAN PNM


BIBLIOGRAFI INI DITERBITKAN SEMPERA 100 HARI PEMERINTAHAN YAB DATO' SERI NAJIB TUN RAZAK SEBAGAI PERDANA MENTERI KE-6 DARI 3 APRIL 2009 SEHINGGA 11 JULAI 2009. BIBLIOGRAFI INI MENGANDUNGI 337 ENTRI YANG DISUSUN SECARA BERABJAD MELIPUTI SUMBER-SUMBER MAKLUMAT SEPERTI BUKU, UCAPAN, ARTIKEL MAJALAH DAN SUMBER ELEKTRONIK YANG DITERBITKAN DI DALAM DAN DI LUAR NEGARA. SUMBER MAKLUMAT YANG DISENARAIKAN DI DALAM BIBLIOGRAFI INI TERDAPAT DI DALAM KOLEKSI PNM DAN DIAKSES DI INTERNET.

MUKA SURAT : 58
TAHUN TERBITAN : 2011
HARGA SENASKAH : RM25.00
ISBN NO. : 978-967-931-225-6



MENERBITKAN BUKU KARYAWAN TAMU, DR. TATIANA A. DENISOVA YANG TELAH MENJALANKAN KAJIAN PADA TAHUN 2007. BUKU INI MENGANDUNGI HASIL KAJIAN BELIAU MENGENAI SOSIOLOGI MELAYU BERDASARKAN KOLEKSI PERIBADI DR. JOHN BASTIN.


MUKA SURAT : 672
TAHUN TERBITAN : 2011
HARGA SENASKAH : RM75.00
ISBN NO. : 978-967-931-238-6



U-Pustaka untuk
umat lanjut di
[www.u-library.gov.my/
/web/guest/home](http://www.u-library.gov.my/web/guest/home)

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA TELAH MENERBITKAN KOLEKSI TAMBAHAN YANG KEENAM UNTUK MEMBERIKAN MAKLUMAT DAN RUJUKAN..

MUKA SURAT : 170
TAHUN TERBITAN : 2011
HARGA SENASKAH : RM70.00
ISBN NO. : 978-967-931-247-8



BUKU INI MENGANDUNGI 21 BAB YANG MENCERITAKAN SUMBANGAN INTELEK 21 TOKOH PERBUKUAN DI MALAYSIA. TOKOH YANG DIPILIH INI IALAH MEREKA YANG TELAH MEMBERI SUMBANGAN BESAR KE ARAH PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN INDUSTRI BUKU NEGARA.

MUKA SURAT : 202
TAHUN TERBITAN : 2011
HARGA SENASKAH : RM55.00
ISBN NO. : 978-967-931-236-2



kan datang



**BANGSA MEMBACA
BANGSA BERJAYA**



Lagu Tema Kempen Membaca

Budaya Membaca

Semaikan dijiwa budaya membaca
Pasti bertambah ilmu yang ada
Bangsa dan usia bukan ukuran
Yang membezakan...Kebijaksanaan

Korus
Bacalah bacalah mari membaca
Mudah dilakukan di mana berada
Bacalah dengan mata dan hati
Dunia luas kita terokai

Beraneka jenis bahan bacaan
Yang bermanfaat pilihan utama
Orang berilmu dipandang mulia
Semaikan budaya membaca

Bacalah bacalah mari membaca
Jadikan membaca budaya kita (4x)

Jadikan membaca...Budaya kita....

Lagu: Pak Ngah • Lirik: Habsah Hassan

Lokasi Perpustakaan Negara Malaysia



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur
Tel: 03-26871700 Faks: 03-26927082
Laman Web : <http://www.pnm.gov.my>